



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

4 JUN 2014

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN MOHAMED, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG PENYELUDUPAN KERETA MEWAH.

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu bertindak tegas terhadap kakitangan kerajaan yang didapati terbabit dalam penyalahgunaan kuasa mereka sehingga membawa kepada kegiatan penyeludupan kereta mewah di negara ini. Menyifatkan isu berkenaan sudah berulang kali didedahkan media, Penggerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata penyeludupan kereta mewah membawa kepada kerugian hasil kerajaan sekaligus menyebabkan usaha membangunkan negara demi kesejahteraan rakyat terbantut.

“Di PAC, kita pernah memanggil Kastam Diraja Malaysia (KDRM) bagi memberikan penjelasan mengenai pengurusan hasil yang mana turut termasuk dalam cukai kenderaan mewah,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Nur Jazlan juga memuji tindakan proaktif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan menyiasat kes berkenaan bagi memastikan kakitangan awam yang terbabit dalam kegiatan itu dapat dikenakan tindakan undang-undang.

Katanya, kegiatan penyeludupan kereta mewah yang kini berselindung dibawah pengeluaran nombor pendaftaran kenderaan G1M adalah sesuatu yang memalukan kerana nombor pendaftaran itu dikeluarkan bagi membangkitkan semangat patriotik di kalangan rakyat.

“Saya berpendapat bahawa kegiatan ini, perlu dibanteras sehingga ke peringkat akar umbi dan siasatan tidak boleh hanya merujuk kepada satu jabatan kerajaan semata-mata sebaliknya, turut merangkumi jabatan yang bertanggungjawab mengutip hasil daripada cukai kenderaan mewah,” katanya.

Pada masa sama, Nur Jazlan mahu Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah jabatan yang berkaitan supaya sentiasa memantau kakitangan mereka yang mempunyai kuasa dalam urusan kenderaan mewah.

“Mereka (Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah) tidak boleh lepas tangan dalam soal ini, mereka perlu sentiasa memantau kakitangan masing-masing serta sentiasa curiga jika ada antara kakitangan yang hidup mewah di luar kemampuan,” katanya.